

**EDARAN DALAMAN:**


**MAKLUMAN PROSEDUR KEHILANGAN/KEROSAKAN KAD PELAJAR DAN  
PROSEDUR KAD GANTIAN PELAJAR**


Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kad pelajar merupakan identiti kepada pelajar UNISEL. Kad pelajar UNISEL digunakan oleh pelajar yang berstatus AKTIF/ PRAKTIKAL/ TANGGUH/ GRADUATED sahaja.

**Proses Gantian Kad Pelajar**

Berikut adalah carta alir proses gantian kad pelajar:





Pelajar yang kehilangan kad pelajar:

1. Laporkan kehilangan kad pelajar di kaunter Unit Rekod dan Konvokesyen dan dapatkan borang gantian kad pelajar. Pelajar juga boleh muat turun borang di laman sesawang <https://studentportal.unisel.edu.my/>
2. Buat pembayaran sebanyak RM25.00 di Pejabat Bendahari. (Sila pastikan anda diberikan resit pembayaran).
3. Bawa borang Gantian Kad Pelajar serta resit pembayaran dan serahkan kepada staf di Pusat Digital untuk cetakan kad pelajar yang baharu.

Pelajar yang kerosakan kad pelajar:

1. Buat pembayaran sebanyak RM25.00 di Pejabat Bendahari. (Sila pastikan anda diberikan resit pembayaran);
2. Bawa Resit Pembayaran dan serahkan kepada staf di Pusat Digital untuk cetakan kad pelajar yang baharu.

**Mohon maklum bahawa waktu operasi untuk penyediaan kad pelajar adalah seperti berikut:**

1. Kaunter Unit Rekod dan Konvokesyen
2. Unit Kewangan Pelajar
3. Pusat Digital

Isnin – Khamis	9.00 pagi – 1.00 petang	2.00 petang – 5.00 petang
Rehat		1.00 – 2.00 petang
Jumaat	9.00 pagi – 12.30 tengah hari	2.30 petang – 5.00 petang
Rehat		12.30 tengah hari – 2.30 petang
Sabtu dan Ahad termasuk Cuti Umum	TUTUP	

## **Q&A**

### **Berapakah bayaran gantian kad pelajar atau staf?**

Pelajar atau staf perlu membayar sebanyak RM25.00 sebagai bayaran gantian kad.

### **Bila perlu saya membuat bayaran gantian kad?**

Anda perlu membuat bayaran gantian kad bagi setiap kad yang ingin diganti samada rosak atau hilang.

### **Dimanakah bayaran gantian kad boleh dibuat?**

Bayaran gantian kad boleh dibuat di kaunter Unit Kewangan Pelajar Kampus Bestari Jaya atau Kampus Shah Alam.

### **Bilakah dan dimana saya boleh membuat kad?**

Urusan gantian kad mengikut waktu yang telah ditetapkan.

### **Bolehkah saya menggunakan gambar sendiri melalui CD atau “Pendrive”?**

Tidak Boleh. Gambar staf atau pelajar perlu diambil di Pusat Digital mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam sistem.

### **Apakah dokumen yang perlu dibawa bagi proses cetakan kad?**

Pelajar atau staf perlu membawa borang Gantian Kad dan Resit Pembayaran.

### **Saya seorang pelajar yang telah bertukar kampus/ program, adakah saya perlu membuat gantian kad?**

Ya. Gantian kad perlu membuat bayaran.